

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH KHAMIS, 6 OGOS 2020

Nasional

Penularan COVID-19

21 kes jangkitan baharu

15 positif babit kes import, enam penularan tempatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes positif baharu COVID-19 meningkat 21 kes iaitu 15 kes import serta enam kes penularan tempatan dengan tiga daripadanya dikesan daripada Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga di Kedah.

Pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 9,023 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata tiga kes yang dikesan daripada Kluster PUI Sivagangga itu adalah menerusi saringan kontak rapat dan mereka ialah kes generasi kedua.

"Dua daripada kes berkenaan adalah kontak rapat kepada kes ke 9,000 di mana kedua-duanya adalah anak kepada kes berkenaan iaitu kes ke 9,021 dan kes 9,022.

"Seorang daripada anak beliau mengalami gejala saluran pernafasan pada 30 Julai lalu namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan.

"Kes ketiga iaitu kes ke 9,023 pula adalah kontak rapat kepada kes ke-8976. Beliau mengalami gejala demam serta gejala saluran pernafasan pada 2 Ogos lalu serta mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Taman Selasih, Ku-

lim," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat satu mesej palsu yang tular berkaitan kes positif dalam kluster berkenaan dan menerusi mesej yang ditularkan itu ia turut mengandungi maklumat terperinci kawasan yang dilawati oleh kes terbabit.

"Orang ramai dinasihatkan untuk tidak menyebarkan mesej palsu berkenaan kerana ia tidak tepat. Tindakan pengesanan kes secara aktif akan diteruskan dan situasi semasa akan dimaklumkan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini pihaknya sudah membuat saringan ke atas 1,647

kontak rapat Kluster PUI Sivagangga.

Daripada jumlah itu, 24 individu disahkan positif COVID-19, 754 negatif dan 859 individu masih menunggu keputusan.

"Pecahan warganegara bagi kes positif kluster berkenaan ialah 19 warganegara Malaysia dan lima warga asing," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata tiga lagi kes penularan tempatan dikesan di Sabah dan Johor iaitu dua kes ketika kes saringan prapembedahan di Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan kes saringan praprosedur di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah (HWKKS).

"Bagi kes positif di Johor pula

ia dikesan ketika saringan prapembedahan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSAJB)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata bagi 15 kes import berkenaan ia membabitkan semua warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan COVID-19 dari luar negara.

Dua belas kes membabitkan individu yang pulang dari Yaman, manakala masing-masing satu kes dari Papua New Guinea, Ivory Coast dan United Kingdom.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 196 kes. Sehingga kini, terdapat dua kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang me-




Dr Noor Hisham Abdullah

merlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam terdapat 18 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 8,702 kes bersamaan 96.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Tiada pertambahan kes kematian dan jumlahnya kekal 125 kes atau 1.38 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.



Lima individu dikenakan tindakan gagal patuhi SOP

Kuala Lumpur: Lima individu dikenakan tindakan oleh polis kelmarin kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) kuarantin di rumah seperti arahan Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia adalah hasil daripada 1,969 pemeriksaan terhadap individu yang sedang menjalani kuarantin wajib 14 hari di kediaman masing-masing.

Beliau berkata, pemeriksaan berkenaan dilakukan kelmarin, membabitkan anggota polis dan petugas KKM bagi memastikan semua SOP kuarantin dipatuhi sepenuhnya.

"Sejak 24 Julai sehingga 4 Ogos 2020, seramai 5,355 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan kesemua mereka ditempatkan

di 21 hotel dan lima Institut Latihan Awam (ILA) di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak, Selangor, Perak dan Johor.

"Daripada jumlah itu, seramai 13 individu dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, semua individu terbabit terdiri daripada rakyat tempatan yang pulang dari 28 negara termasuk Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, Emiriah Arab Bersatu, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Taiwan, China, United Kingdom, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis dan Australia.

Dalam perkembangan bersebaran, beliau berkata, pemeriksaan Lembaga Pembangunan Indus-

tri Pembinaan Malaysia (CIDB) terhadap 38 tapak binaan mendapati satu tapak tidak mematuhi SOP dan diberi nasihat untuk segera berbuat demikian.

"Hasil pemeriksaan oleh 78 anggota penguat kuasa itu, 34 daripada tapak mematuhi segala SOP manakala tiga lagi tapak binaan tidak beroperasi," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri memaklumkan seramai 127 individu ditahan kerana mengingkari arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lapan daripada mereka ditahan reman, manakala 119 individu dikenakan kompaun.

Ismail Sabri berkata, ia membabitkan kesalahan seperti aktiviti yang tidak mengikut SOP dan aktiviti membabitkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan pelaksanaan penjarakan fizikal.

"Task Force Operasi Pematu-

han yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat 64,656 pemeriksaan semalam bagi memantau dan menguat kuasa pematuhan SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Sebanyak 3,353 Pasukan Pematuhan yang membabitkan 14,167 anggota memantau 4,110 pasar raya; 6,083 restoran; 1,325 penjaja; 1,114 kilang; 3,819 bank dan 797 pejabat kerajaan," katanya.

Ismail Sabri berkata, lokasi yang turut dipantau ialah 1,189 terminal pengangkutan darat; 218 terminal pengangkutan air dan 151 terminal pengangkutan udara.

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, Operasi Benteng membabitkan polis, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) berjaya me-

ngawal ketat semua sempadan negara secara bersepadu bagi mengelakannya dibolosi pendatang asing tanpa izin (PATI).

"Langkah ini bagi mengengkang jenayah rentas sempadan selain menyekat penularan wabak COVID-19.

"Semalam (kelmarin), polis membuat 63 sekatan jalan raya Operasi Benteng di seluruh negara dan memeriksa 31,707 kenderaan bagi mengengkang kemasukan PATI terutama di lorong tikus dan menahan seorang individu atas kesalahan imigresen," katanya.

Ismail Sabri memberi amaran, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram.

"Semua agensi penguat kuasa akan terus menegakkan kawalan kawasan sempadan terutama di lorong tikus," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

21 kes baharu Covid-19 direkodkan semalam

Kuala Lumpur: Kes positif Covid-19 di Malaysia mencatatkan 21 kes baharu sehingga jam 12 tengah hari semalam dengan jumlah keseluruhan 9,023 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 15 daripadanya adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan rakyat Malaysia.

Menurutnya, semua individu yang disahkan positif itu sudah diasingkan untuk pengawasan dan rawatan lanjut dengan jumlah kumulatif kes aktif sebanyak 196 kes.

“Bagi enam kes penularan dalam negeri membabitkan tiga individu dari kluster Sivagangga, dua kes di Sabah selain satu kes pra pembedahan dilaporkan di Hospital Sultanah Aminah,

Johor Bahru.

“Sehingga kini hanya dua kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) namun tidak memerlukan bantuan pernafasan,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham memaklumkan, 15 kes import yang dilaporkan pada hari ini mendapat jangkitan dari luar negara selepas mereka pulang dari Yaman, Papua New Guinea, Ivory Coast dan United Kingdom.

Katanya, semua kes import ini di Kuala Lumpur dan mereka diasingkan di pusat kuarantin selepas tiba Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang agar tidak membawa risiko jangkitan kepada masyarakat setempat.

KKM saran guna pelitup muka fabrik

Kuala Lumpur: Pemakaian pelitup muka fabrik disarankan kepada golongan tidak mengalami gejala pernafasan, tidak berada di tempat jangkitan Covid-19 tersebar luas dan penjarakan fizikal sukar diamalkan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, orang ramai boleh menggunakan pelitup muka fabrik buatan sendiri mengikut spesifikasi disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai alternatif kepada jenis pakai buang.

Menurutnya, pelitup muka fabrik sesuai untuk golongan pekerja dan orang awam sihat yang berada di tempat awam.

“Pelitup muka fabrik disyorkan WHO mempunyai tiga lapisan iaitu dalam, tengah dan luar.

“Bahan adalah bersifat

menyerap air atau hidrofilik (dalam), menghindari penyerapan air atau hidrofobik yang diperbuat sintetik bukan tenunan (tengah) dan menghindari penyerapan air atau hidrofobik (luar).

“Contoh bahan adalah kapas atau campuran kapas (dalam), polipropilena atau lapisan kapas (tengah) dan polipropilena, poliester, atau campurannya (luar),” katanya, hari ini, menerusi jawapan berbentuk grafik kepada Harian Metro.

Beliau memberikan reaksi itu susulan aduan ramai mengeluh isu harga pelitup muka pakai buang dianggap membebankan sedangkan sekarang semua sudah boleh keluar bekerja sekali gus agak sukar mengelakkan tempat awam, sesak, kecil, sempit dan percakapan dekat untuk mencegah penularan Covid-19.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

21 kes positif, 3 lagi Kluster Sivagangga

PUTRAJAYA – Sebanyak 21 kes positif Covid-19 direkodkan semalam membabitkan 15 kes import dan enam kes penularan tempatan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 9,023 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada enam kes tempatan, tiga daripadanya direkodkan di Kluster Sivagangga dan kini sedang dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

Beliau berkata, dua daripada tiga kes adalah kontak rapat kepada kes ke-9,000, membabitkan dua anak mangsa dengan salah seorang daripadanya mengalami gejala saluran pernafasan pada 30 Julai lalu, namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan.

"Kes ketiga iaitu kes ke-9,023 adalah kontak rapat kepada kes ke-8,976 yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim selepas mengalami demam serta gejala saluran pernafasan pada 2 Ogos lalu," katanya di sini semalam.

Katanya, setakat ini, seramai 1,647 orang disaring dalam



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	21
• Import: 15 Tempatan: 6	
• Pulih	18
• Kematian	0
• Masih dirawat	196
• Jumlah kes sembuh	8,702
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,023

Kluster Sivagangga dengan 24 daripadanya dikesan positif Covid-19.

"Sebanyak 19 individu adalah warganegara, manakala lima bukan warganegara. Baki sebanyak 869 masih menunggu keputusan, manakala 754 lagi didapati negatif," ujarnya.

Menurutnya, tiga lagi kes

tempatan dikenal pasti masing-masing dua kes melalui saringan pra pembedahan di Hospital Queen Elizabeth, Sabah dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor selain saringan pra prosedur di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seramai 5,355 individu telah pulang ke tanah air dari 28 buah negara sejak 24 Julai hingga 4 Ogos lalu melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

Katanya, kesemua mereka ditempatkan di 26 buah stesen kuarantin yang ditetapkan bagi menjalani proses kuarantin wajib.

Stesen kuarantin itu ialah 21 hotel dan lima Institut Latihan Awam (ILA) di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Sarawak, Selangor, Perak dan Johor.

"Daripada jumlah itu, seramai 13 individu telah dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



GAMBAR tular seorang wanita memakai gelang pink di sebuah restoran sebenarnya gelang sebuah taman tema air di Ipoh.

Bukan gelang pink Covid-19

IPOH – Pihak berkuasa sedang mengenal pasti identiti seorang individu di bawah pengawasan (PUS) Covid-19 yang gambarnya dirakam berkunjung ke sebuah restoran di Taman Fair Park di sini tular di media sosial sejak kelmarin.

Pengarah Kesihatan Perak, Datuk Dr. Ding Lay Ming berkata, satu laporan polis telah dibuat Jabatan Kesihatan Negeri berhubung aduan itu dan pihaknya sedang mengenal pasti identiti individu terbabit.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisio-

ner A. Asmadi Abdul Aziz berkata, pemilik restoran itu telah membuat laporan berhubung penuliran gambar wanita tersebut.

Katanya, pengadu yang juga dipercayai pemilik kedai mendakwa telah mendapat gambar wanita yang tular dalam aplikasi WhatsApp pada pukul 5 petang kelmarin.

Setelah meneliti rakaman televisyen litar tertutup, pengadu mendapati gelang itu digunakan untuk masuk ke salah sebuah taman tema air di Ipoh dan bukannya seperti yang didakwa.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Golongan 'anti mask' kecil tapi boleh bawa kesan besar

SHAH ALAM - Kumpulan 'anti mask' disifatkan sebagai gerakan yang kecil namun boleh menjadi besar sekiranya media sosial terus dijadikan platform untuk mempengaruhi masyarakat.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, terdapat empat kategori golongan dalam isu pemakaian pelitup muka dan golongan 'anti mask' itu adalah paling minoriti.

Bagaimanapun, katanya, golongan itu akan memberi kesan buruk terhadap kadar jangkitan wabak koronavirus (Covid-19).

"Perlu diingatkan bahawa Covid-19 ini tiada ubat dan penghasilan vaksin juga akan mengambil masa yang lama. Jadi senjata yang kita ada adalah tiga perkara iaitu cuci tangan dengan bersih, penjarakkan fizikal dan pemakaian pelitup muka.

"Dengan pemakaian pelitup muka, ia boleh mengurangkan kadar jangkitan sehingga 60 peratus," katanya menerusi program *Sinar Live* bertajuk Anti Mask, Kenapa Jadi konflik? di Studio F Kumpulan Karang kraf di sini semalam.

Beliau yang merupakan Ahli Parlimen Bagan Serai berkata, tiga golongan lagi termasuk me-



Dr Noor Azmi pada program *Sinar Live* bertajuk Anti Mask, Kenapa Jadi Konflik bersama moderator, Haslina Kamaludin di Studio F Kumpulan Karang kraf, Shah Alam semalam.

reka yang mempunyai kesedaran namun sering terleka untuk memakai pelitup muka dengan sempurna.

"Golongan ini yang paling ramai. Dalam masa sama, kena pastikan pelitup muka yang dipakai menepati ciri-ciri disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu mempunyai tiga lapisan yang mana lapisan tengah dan luar tidak telus air.

"Dua lagi golongan ini tidak begitu ramai tapi ada iaitu mereka yang takut dikompaun dan juga yang benar-benar menjaga prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka," katanya.

Justeru, beliau berkata, amalan normal baharu perlu diberi keutamaan memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bakal berakhir pada 31 Ogos ini.

"Dalam normal baharu kita kena hati-hati walaupun dengan keluarga sendiri kerana ia jadi senjata kita. Ini perlu berterusan sehingga kita ada ubat dan vaksin.

"Apa (berlaku) selepas PKPP bergantung kepada data dan kes yang kita ada. Berdasarkan fakta-fakta ini kerajaan akan buat keputusan. Kalau tak jaga, kita kena *lockdown* balik, jadi kita kena sedar dan insaf," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Tiga positif dari Kluster Sivagangga

Kes baharu positif Covid-19 melonjak kepada 21 kes

KUALA LUMPUR



Selepas mencatat hanya satu kes kelmarin, angka positif Covid-19 di Malaysia melonjak kepada 21 kes semalam dengan 15 daripadanya kes import melibatkan warganegara Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak enam kes lagi merupakan penularan tempatan melibatkan warganegara dengan tiga daripadanya ialah Kluster Sivagangga di Kedah.

Menurutnya, setakat ini, sejumlah 1,647 orang disaring dalam Kluster Sivagangga dan 24 didapati positif, 754 negatif manakala 869 masih menunggu keputusan ujian.

Bagi tiga kes baharu kluster itu, beliau berkata, kesemuanya dikenal pasti melalui saringan kontak rapat kes positif kluster tersebut dan mereka adalah kes generasi kedua.

"Dua daripada kes tersebut adalah kontak rapat kepada kes ke-9,000 dengan kedua-duanya adalah anak kepada kes tersebut (kes ke-9,021 dan ke-9,022).

"Seorang daripada anak beliau meng-



DR NOOR HISHAM

alami gejala saluran pernafasan pada 30 Julai namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan.

"Kes ketiga (kes ke-9,023) pula adalah kontak rapat kepada kes ke-8,976 yang mengalami gejala demam serta gejala saluran pernafasan pada 2 Ogos dan telah mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim," katanya dalam satu kenyataan berhubung perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tiga kes positif Covid-19 penularan tempatan pula melibatkan dua kes di Sabah iaitu masing-masing kes saringan prapembedahan di Hospital Queen Elizabeth dan satu saringan praprosedur di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah serta satu kes saringan prapembedahan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Katanya, kes positif Covid-19 di Malaysia ialah sebanyak 9,023 dengan jumlah kes aktif dengan kebolehhajangkitan ialah 196.

"Terdapat 18 kes pulih dengan jumlah

kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 8,702 atau 96.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," kata beliau.

Memperincikan lebih lanjut, Dr Noor Hisham berkata, terdapat dua kes positif yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) namun tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.


Dalam pada itu, beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 125 kes atau 1.385 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Menjelaskan mengenai 15 kes positif import yang mendapat jangkitan di luar negara, Dr Noor Hisham berkata, warganegara terlibat adalah mereka yang pulang ke Malaysia dari Yemen (12 kes), Papua New Guinea (satu kes), Ivory Coast (satu kes) dan United Kingdom (satu kes).

"Semua kes import ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mereka telah diasingkan di pusat kuarantin selepas ketibaan di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), justeru tidak membawa risiko jangkitan kepada masyarakat setempat," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	9,023	PULIH:	8,702	ICU:	2	KEMATIAN:	125	KES BAHARU:	+21
---------------------	--------------	--------	--------------	------	----------	-----------	------------	-------------	------------

+Dikemas kini pada jam 5 petang 5 Ogos 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,002 kes kepada 9,023 kes



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 6 OGOS 2020

5

Dalam Negeri

Sivagangga: Tiga lagi positif

Oleh **AQILAH MIOR
KAMARULBAID**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA : Sebanyak tiga lagi kes baharu dilaporkan dalam Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga di Kedah yang membabitkan generasi kedua.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ketiga-tiga kes tersebut dikenal pasti melalui saringan kontak rapat kes positif daripada kluster tersebut.

Katanya, dua daripada kes tersebut merupakan kontak rapat kepada kes ke-9,000 iaitu

kedua-duanya merupakan anak kepada kes ke-9021 dan kes ke-9022.

"Seorang daripada anak individu terbahit mengalami gejala saluran pernafasan pada 30 Julai lalu, namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan sementara kes ketiga (kes ke-9023) pula adalah kontak rapat kepada kes ke-8976.

"Individu terbahit mengalami gejala demam serta gejala saluran pernafasan pada 2 Ogos lalu dan telah mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim," katanya dalam laporan harian perkembangan

terkini Covid-19 di sini semalam.

Tambah Noor Hisham, kesemua kes baharu itu dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah untuk rawatan selepas dikesan positif pada 4 Julai lalu.

"Sehingga 5 Ogos pukul 12 tengah hari, hari ini, seramai 1,647 orang telah disaring dalam kluster ini dan daripada jumlah itu sebanyak 24 kes dikesan positif, 754 negatif dan 869 masih menunggu keputusan," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Noor Hisham menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarkan mesej palsu berhubung maklumat terperinci kawasan

yang dilawati oleh individu itu.

Sementara itu, sebanyak 21 kes baharu Covid-19 dilaporkan keseluruhan hari ini, termasuk 15 kes import sekali gus menjadikan bilangan kes positif Covid-19 di negara ini kini mencecah 9,023 manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan pula 196 kes.

"Semua kes import ini adalah di Kuala Lumpur dan mereka diasingkan di pusat kuarantin selepas ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), justeru, tidak ada risiko jangkitan kepada masyarakat setempat," jelasnya.



NOOR HISHAM ABDULLAH

Restoran Nasi Kandar Salleh, SMK Megat Dewa dinyah cemar

KUBANG PASU: Balai Bomba dan Penyelamat Jitra melakukan nyah cemar awam di Restoran Nasi Kandar Salleh di sini yang menjadi lokasi penularan Covid-19 bagi Kluster Sivagangga, semalam.

Proses sanitasi turut dilakukan di premis perniagaan berhampiran termasuk Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat Kedah, Penguasa

Kanan Bomba 1 Mohamadul Ehsan Mohd. Zain berkata, operasi nyah cemar di kawasan pekan Napoh itu dilakukan selama kira-kira sejam bermula pada pukul 3.30 petang semalam.

"Proses nyah cemar ini meng-

gunakan dua tong bahan kimia jenis sodium hypochlorite," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kata beliau, proses nyah cemar itu juga dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Megat Dewa, Kodiang dekat sini pada pukul 10.45 pagi semalam.

"Proses melibatkan bangunan bilik darjah, pejabat pentadbiran, kantin, tandas dan kawasan yang menjadi tumpuan pelajar," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

OVERALL TALLY OF 9,023 CASES

INFECTIONS BACK TO DOUBLE DIGITS

15 imported cases, six local transmissions, says Dr Noor Hisham

ESTHER LANDAU
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA is recording two digits for new Covid-19 cases again with 21 positive cases recorded up to noon yesterday, bringing the overall tally to 9,023.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said of

the total cases, 15 were imported cases and six were local transmissions.

For the imported cases, he said, all of them were Malaysians.

"Twelve of the returnees flew in from Yemen, one from Papua New Guinea, one from the Ivory Coast and one from the United Kingdom. All of them have been isolated at quarantine centres once they touched down at the Kuala Lumpur International Airport," he said in a statement.

For the local transmission cases, he said three of them were from the Sivagangga cluster in Kedah; two were detected in Sabah during a pre-surgery screening at the Queen Elizabeth Hospital and a pre-proce-

dure screening at the Women and Children's Hospital and one tested positive during a pre-surgery screening at the Sultanah Aminah Hospital in Johor Baru.

As for the country's active cases, it now stood at 196 cases, he said, adding that they had been isolated and were getting treatment at the hospital.

He also said there were two patients being treated at the Intensive Care Unit and no fatalities were reported, keeping the death toll at 125 (1.38 per cent of the total cases).

Up to noon yesterday, Dr Noor Hisham said 18 patients had been discharged, bringing the total recoveries to 8,702 (96.4 per cent of the total recovery cases).

On the Sivagangga cluster, he said the three new cases detected were from the close contact screening of the positive cases in the cluster and they were from the second generation.

Two of these cases were the close contact of Case 9,000, who were the patient's own children, he said.

"One of the children was having breathing difficulties on July 30, but the person did not receive treatment at the healthcare facility.

"Whereas the third case (Case 9,023) is a close contact of Case 8,976. The patient had fever and respiratory issues on Aug 2 and received treatment at the Taman Selasih health clinic in Kulim," said the director-general.

Dr Noor Hisham also noted there was a fake message related to the case containing detailed information of the area that the patient had visited which had gone viral.

He urged the public not to spread false information.

"An active case tracing exercise is being carried out and we will announce the latest developments. The ministry has so far screened a total of 1,647 people from this cluster, with 24 of them tested positive, 754 test results came back as negative and 869 are waiting for their test results."

He added that 19 Malaysians and five non-Malaysians were tested positive for Covid-19 under the Sivagangga cluster.

BY END-AUGUST

Penang to use MySejahtera app, do away with PgCare

GEORGE TOWN: Penang will do away with its contact-tracing application, PgCare, by the end of this month in compliance with the federal government's decision on making the MySejahtera application mandatory.

Chief Minister Chow Kon Yeow said the state government would abide by the federal government's decision on the use of MySejahtera.

He, however, appealed for time, until Aug 31, for Penangites to shift to MySejahtera since they were already accustomed to using PgCare.

Chow said he would request the state National Security Council to inform the respective enforcement agencies to allow Penangites and business premises until Aug 31 on the shift.

"We do not want Penangites to get into trouble if they continue using PgCare," he told newsmen at his office in Komtar yesterday.

Chow also urged business premises in the state and Penangites to download and use MySejahtera instead of PgCare.

On Monday, Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Yaakob announced that the government had mandated the use of the MySejahtera application for all businesses nationwide to facilitate contact tracing processes.

The decision, made during a Special Cabinet meeting on Covid-19, would assist the Health Ministry in detecting those ex-



The government has mandated the use of the MySejahtera application for all businesses nationwide to facilitate contact tracing processes. FILE PIC

posed to Covid-19 patients.

Ismail Sabri said the Attorney-General's Chambers would be gazetting the mandatory use of MySejahtera soon.

Launched on May 15, PgCare has to-date registered some

36,521 business premises and 1.35 million users. The application has recorded 16.48 million check-ins since.

PgCare is a public-private partnership project between the state government through Chief Min-

ister Incorporated with Madison Technologies and supported by Maxis Broadband Sdn Bhd Malaysia.

The state government had invested about RM60,000 for setting up the application.

IMMIGRATION D-G

'Overstayers will need special pass, pay fine

PUTRAJAYA: Foreign nationals who have overstayed in Malaysia for a period of a year and below will be compounded RM1,000, Immigration director-general Datuk Khairul Dzamee Daud said.

"They will have to obtain a special pass from the Immigration Department and pay the compound of RM1,000 if they overstayed not more than a year. They have to settle this amount in person," he said at a special media conference here yesterday.

Khairul Dzamee said if the foreign national was found to have overstayed for more than a year, they face a maximum compound of RM3,000.

In June, the government announced that foreigners whose social visit passes expired during the Movement Control Order (MCO) are allowed to get an extension.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob had said that foreign nationals whose passes ended during the Recovery MCO could head straight to the airport and board their flight home within 14 days from the expiration of the RMCO. **Bernama**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

21 NEW COVID-19 CASES REPORTED, NO DEATHS

PETALING JAYA: Twenty-one new Covid-19 cases were identified yesterday, bringing the total tally to 9,023. Of the 21 cases, six were local transmissions, with three comprising persons under investigation from the Sivagangga cluster in Kedah. Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said of the 1,647 individuals screened from the Sivagangga cluster, 24 tested positive, involving 19 Malaysians and five foreigners. "754 tested negative for the virus, while 869 are still awaiting test results," he said. A total of 18 individuals were discharged yesterday, bringing the total number of recoveries to 8,702 or 96.4%. No new fatalities were reported yesterday, with the death toll remaining at 125.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

THE STAR, THURSDAY 6 AUGUST 2020

Nation 5

Frontliners fear new wave

'Focus is on returnees from overseas who pose a threat'

By DIYANA PFORDTEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The spotlight on health frontliners has faded somewhat compared to the days when the Covid-19 contagion was at its peak in Malaysia, but their work has remained unrelenting till now.

In fact, they are on high alert for the possibility of a new wave of infections.

"We are now focusing on overseas returnees who need to do a second Covid-19 test and removal of their quarantine wristband in order to be released from quarantine," said health inspector Mastura Maznor, 37.

Mastura earned much public goodwill when she was photographed in her full PPE on a hot day, helping an elderly woman during Ramadan.

"During the fasting month, it felt like we no longer had any saliva to swallow as we were in the sun for hours in full PPE," she said yesterday.

Mastura said her role as a health inspector required her to investigate potential cases, conduct contact tracing and inspections at places with positive cases, as well as take Covid-19 samples, monitor quarantine cases and ensure positive cases were admitted to hospital.

"It was challenging when we had to search for positive cases, especially involving foreigners due to communication barrier, names that were hard to find and close contacts of positive cases that hid from us.

"We were lucky when the police helped us out," she said.

As for nurse Nur Faizatul Akmal Abdul Latif, 29, her workload has increased during the recovery movement control order (MCO).

This is partly because many more people were seeking help, due to fear of being infected.

Nur Faizatul, who works at a hospital in Perlis, said they were cautious about a second wave of infection.

"People should not let their guard down," she said.

Almost daily, the Health Ministry, has been imploring Malaysians to be disciplined by adhering to the standard operating procedure (SOP).



Public health groups said that frontliners were still hard at work as the battle against Covid-19 was not yet over.

They said that Malaysians should not be complacent even though the number of infected had dropped significantly.

"The majority of Malaysians have great respect for our frontliners after seeing the sacrifices they made to provide care when cases peaked," said Malaysian Medical Association (MMA) president Dr N. Ganabaskaran.

As a gesture of appreciation to frontliners for their courage, hard work and dedication, he said Malaysians should continue to maintain full adherence to the SOP.

He believed the country could expect cases to rise again periodically if there were negligence in observing the dos and don'ts.

Foreign news reports said Manila was back in lockdown after doctors and nurses cautioned that the healthcare system would collapse if the situation worsened.


In the case of Malaysia, apart from avoiding infections, Ganabaskaran said Malaysians should realise the importance of preventing another MCO.

"Many sectors have still not recovered. Some may not even recover. It is clear we can't afford another MCO," he added.

Malaysian Public Health Physicians' Association said although there were fewer admissions of patients for Covid-19 investigation and quarantine, the public should avoid crowded public places as increased mobilisation had proven to cause a greater wave of infections in other countries.

"People have to be responsible if they have symptoms or return from overseas, as well as practise vigilance when suspected cases are found in the local community.

"It is proven that more interaction and mobilisation of people in and within countries have triggered



Don't be complacent, urges doc who had Covid-19

PETALING JAYA: A doctor in Perak who was down with Covid-19 back in March is imploring Malaysians not to be complacent in the fight against the virus.

A new wave of infections, as seen in many other countries, may be far greater in volume due to increased social activities after a lockdown ends, said Dr Samsu Ambia Ismail, who is also Teluk Intan Hospital Emergency and Trauma Department head.

Such concerns were also raised by Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah when he tweeted last Saturday, citing the second wave of infections in Australia, Hong Kong and Japan.

"Let us learn from other countries so that we can avoid being hit by a more severe wave. This is my worry. I appeal to Malaysians to practise physical distancing, wash your hands frequently and wear a mask. Don't be in a public place too much," he posted then.

Dr Samsu, when contacted, also appealed to the public to follow the government's standard operating procedure (SOP), saying that frontliners went through much fatigue and job hazards when caring for Covid-19 patients.

"Only now doctors and nurses are allowed to take a break after months of handling Covid-19 cases.

"Even then, we still have strict practices at the hospital to avoid any Covid-19 transmission, which involves wearing full personal protective equipment (PPE) for some healthcare workers and limited breaks and interaction with colleagues," he said.

Dr Samsu, 49, was infected in the course of his duty in March. Besides a fever, he suffered muscle and joint pains, as well as breathing difficulties.

He also infected his wife and six children.

The Teluk Intan Emergency Department had to temporarily close down as at least 37 staff had tested positive then.

Dr Samsu noted that public clinics and hospitals were better prepared in terms of processes and facilities to handle Covid-19, especially to prevent infections.

emerging Covid-19 cases," said its president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar.

He cited an example of a wedding event he attended in Perlis which should be emulated for following strict SOP.

"The host limited 60 people in

one seating and it was supervised by policemen, Rela and an armed soldier.

"Guests had to register their attendance using the MySejahtera app and were given masks. The police did not allow anyone without mask to come in," he said.

DG: 15 returnees tested positive

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: Fifteen Malaysians who returned from overseas and tested positive for Covid-19 were among the 21 new Covid-19 cases recorded in the country.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the imported cases were returnees who arrived at KLIA and were quarantined immediately.

"They do not pose any risk of infection to the local community.

"The imported cases involved Malaysians who came back from Yemen (12 cases) and one case each from Papua New Guinea, Ivory Coast and the United Kingdom," he said in a statement yesterday.

He noted that the implementation of the strict international border

controls was important to prevent the spread of infection acquired overseas.

From the 21 new infections yesterday, Dr Noor Hisham said six contracted the virus via local transmissions, and all of them were Malaysians.

"We recorded 18 recoveries yesterday, bringing the total infections in the country to 9,023 cases.

"There are 196 active cases in the country now," he said, adding that there were no fatalities, with the death toll remaining at 125.

Of the six local new cases, with three linked to the Sivagangga cluster in Kedah, two from two hospitals in Sabah, and another from a hospital in Johor.

The hospital cases were detected through screening at the pre-arrival or procedure stages.

"The three Sivagangga cluster

cases are the second-generation cases, from close contacts of those who initially tested positive.

"Two of them were children of the 9,000th case, while the third case was a close contact of the 8,976th case, who had symptoms of fever and breathing problems on Sunday.

"The patient received treatment at the Taman Selasih health clinic in Kulim," he said, adding that a false message containing detailed information of the places this patient visited had gone viral.

"Everyone should not forward the message because it is not true," he said, adding that active tracing was ongoing.

From the Sivagangga cluster, Dr Noor Hisham said a total of 24 positive cases had been detected so far involving 19 Malaysians and five foreigners.



Stay safe: 'There are 196 active cases in the country now,' says Health DG as he reminds Malaysians not to be complacent over the SOP.

"Of the 1,647 people who have been tested so far, 754 were found negative, while 869 are still waiting for their results," he added.

At present, Dr Noor Hisham said two patients were still being treated at intensive care units, with none requiring any ventilator.